



Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
(Secretary General Ministry of Youth and Sports Malaysia)
Aras 15, Menara KBS (Level 15, KBS Tower)
No. 27, Persiaran Perdana
Presint 4, (Precinct 4)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
(Federal Government Administrative Centre)
62570 Putrajaya

Tel. : 03-8871 3018
Fax : 03-8888 8719
E-mail : yasin@kbs.gov.my

Rujukan kami : KBS.S.1-18/2 (33)

Tarikh : 11 November 2008

Semua Ketua Jabatan/Agensi
Kementerian Belia dan Sukan

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 9 TAHUN 2008

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB/PORTAL JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan Garis Panduan Pembangunan Laman Web/Portal Jabatan dan Agensi di bawah KBS agar semua Jabatan dan Agensi yang membangun dan menyelenggara laman web/portal Jabatan dan Agensi masing-masing mematuhi kehendak garis panduan ini.

2. LATAR BELAKANG

Pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan laman web/portal Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan memerlukan satu garis panduan bagi memperkemaskan dan menyelaraskan pengurusan laman web/portal yang telah dan akan dibangunkan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KBS.

3. KANDUNGAN GARIS PANDUAN

Garis Panduan ini memberikan panduan dan penjelasan berkenaan perkara yang berikut:

- 3.1 Skop Garis Panduan
- 3.2 Struktur Pengurusan dan Pelaksanaan Laman Web/Portal
- 3.3 Penyediaan Laman Web/Portal
- 3.4 Operasi dan Penyelenggaraan Laman Web/Portal

4. PEMATUHAN

Garis panduan ini pada keseluruhannya terpakai kepada Semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini berkuatkuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' MOHD YASIN MOHD SALLEH)

“ BELIA CEMERLANG NEGARA TERBILANG ”

Lampiran kepada
Surat Pekeliling Ketua Setiausaha
Bilangan 9 Tahun 2008

**GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN LAMAN
WEB/PORTAL JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)**

**Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Belia dan Sukan**

PERKARA	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	3
2.0	LATAR BELAKANG	3
3.0	SKOP GARIS PANDUAN	4
4.0	STRUKTUR PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN LAMAN WEB/PORTAL	4
5.0	PENYEDIAAN LAMAN WEB	5
6.0	OPERASI DAN PENYELENGGARAAN LAMAN WEB/PORTAL	5
7.0	PENUTUP	5

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB/PORTAL JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

1.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah bagi memperkemaskan dan menyelaraskan pengurusan laman web/portal yang telah dan akan dibangunkan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KBS supaya mematuhi garis panduan pembangunan laman web/portal sektor awam.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Atas inisiatif pegawai terdapat Jabatan dan Agensi yang telah membangunkan laman web/portal sendiri dan didapati ada juga laman web yang dibangunkan oleh Jabatan dan Agensi disiarkan dengan menggunakan kemudahan server yang percuma dan ada juga dibayar sendiri oleh Jabatan/Agensi.
- 2.2 Penyiaran laman web/portal rasmi Jabatan dan Agensi yang menggunakan kemudahan *server* yang percuma atau pun dibayar sendiri oleh Jabatan/Agensi didapati tidak menggunakan nama URL sambungan 'gov.my'.
- 2.3 Oleh kerana terdapat keperluan bagi Jabatan dan Agensi di bawah KBS untuk membangun laman web/portal sendiri, maka satu garis panduan perlu diwujudkan bagi memperkemaskan dan menyelaraskan pengurusan laman web yang telah dan akan dibangunkan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KBS.
- 2.4 Garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT pada Mesyuarat JPICT Bil. 3 Tahun 2008 yang telah diadakan pada 5 September 2008.

3.0 SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini digunakan bagi semua pembangunan laman web/portal Jabatan dan Agensi di bawah KBS.

4.0 STRUKTUR PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN LAMAN WEB/PORTAL

4.1 Setiap Jabatan dan Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Laman Web/Portal di peringkat Jabatan dan Agensi bagi memantau pembangunan dan pelaksanaan laman web/portal Jabatan dan Agensi masing-masing.

4.2 Sebagai langkah awal pembangunan laman web/portal, Jabatan dan Agensi hendaklah mengenal pasti keperluan pembangunan laman web/portal yang hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:

4.2.1 Objektif Pembangunan Laman Web/Portal.

4.2.2 Pelanggan Sasaran.

4.2.3 Skop Maklumat.

4.2.4 Penyediaan Perkhidmatan Dalam Talian (Sekiranya Ada).

4.2.5 Penyediaan Maklumat.

4.3 Setiap Jabatan dan Agensi hendaklah melantik seorang wakil Jawatankuasa Laman Web/Portal bagi menganggotai Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal KBS di peringkat Kementerian dan bertindak sebagai pegawai penghubung dan pengantara Jabatan dan Agensi dengan Kementerian.

4.4 Setiap pertukaran wakil Jawatankuasa Laman Web/Portal hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat bagi tujuan pengemaskinian dan penyelarasan.

5.0 PENYEDIAAN LAMAN WEB

- 5.1 Setiap laman web/portal yang dibangunkan secara dalaman ('in-house') atau khidmat luar ('out-source') hendaklah mematuhi Garis Panduan Portal myGovernment dan Laman Web/Portal Agensi-Agensi Sektor Awam serta kriteria-kriteria amalan terbaik laman web/portal yang ditetapkan oleh Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.(Mdec).
- 5.2 Setiap Jabatan dan Agensi hendaklah sentiasa mengemaskini kandungan laman web/portal sendiri.

6.0 OPERASI DAN PENYELENGGARAAN LAMAN WEB/PORTAL

- 6.1 Bagi Jabatan dan Agensi yang tidak mempunyai kemudahan *Hosting* untuk menyiarkan laman web/portal yang telah dibangunkan, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) akan menyediakan kemudahan *Hosting* di server yang akan disediakan, diurus dan diselenggara oleh BPM.
- 6.2 Setiap Jabatan dan Agensi hendaklah mendapatkan nama URL bagi laman web/portal daripada BPM.
- 6.3 Nama URL untuk laman web/portal Jabatan dan Agensi akan diselaraskan oleh BPM.
- 6.4 Maklumat dan perkhidmatan yang disiarkan melalui laman web/portal Jabatan dan Agensi hendaklah sentiasa terkini.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Jabatan dan agensi hendaklah mematuhi dasar ini di dalam membangunkan dan menyelenggara laman web/portal jabatan dan agensi masing-masing.